

A D A P E R P A T I H

Biar Mati Anak,
Jangan Mati Adat,
Tak Lekang Dek Panas,
Tak Lapuk Dek Hujan,
Di Anjak Layu,
Di Cabut Mati.

Di Sediakan Oleh:
Dato' Shahbandar Hj. Ali bin Naam P.M.C.
Luak Jempol.

thb. June 2000 bersamaan 20 Safar 1421.

ISI KANDUNGAN

<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
1. Adat Perpateh	2 - 10
2. Apakah Yang Dikatakan Adat	11 - 23
3. Sejarah Luak Jempol	24 - 33

BAHAGIAN 3

SEJARAH LUAK JEMPOL

Adat Perpatih adalah adat yang mencerminkan falsafah hidup keadilan bermasyarakat, ia merupakan pelindung tatasusila serta nilai hidup manusia sejagat menganjurkan peradapan budi pekerti mulia yang memperkuat lagi keperibadian bangsa, bersopan santun, serta dikawal pula oleh peraturan – peraturan adat, hidup berkeluarga, peraturan hidup bermasyarakat, seperti yang disebutkan tadi. Seperti kata hikmahnya “ HIDUP KITA DI KANDUNG ADAT MATI KITA DI KANDUNG TANAH ” dari itu jika kita benar-benar menghayati adat ini maka bolehlah dikatakan sempurna lah hidupnya didunia dan akhirat.

Berbalik kita kepada pelupur Tuan Shik Ahmad Linggi tadi, setelah beliau berjaya mengembangkan adat perpatih dan menanamkan nilai – nilai Islam akhirnya dalam tahun 1476 beliau pun meninggal dunia mati terbunuh INNA ILAIHI WAINNA ILAIHI ROJION dalam kekacauan di Melaka. Pada masa itu Melaka didalam pemerintahan Sultan Mansor Shah, jenazah beliau dimakamkan di Pengkalan Kempas Port Dickson dan makam itu masih ada lagi disana dan boleh kita lihat sehingga sekarang. Orang-orang minangkabau memang terbilang sebagai orang perantauan yang memang digalakan oleh orang tuanya seperti perbilangan :

Kerpatan orang di Bengkahulu,
Sudah berbunga berbuah belum,
Merataulah wahai sibujang dahulu,
Dikampung berguna belum.

Maka tersebutlah kisah Luak Jempol, adalah dipercayai di dalam kurun yang ke-14 hingga 15, sampailah perantau dari Minangkabau ini ke Luak Jempol, yang dewasa itu anak tempatan suku kauni asli belumlah begitu ramai, hanya sesebuah rumah di sana sini, yang tanahnya begitu subur, dan pamah kampung ini adalah bernama PENARIKAN, maka perantau ini bertanya, siapakah gerangan ketuanya, kami semua ini hendak berkenalan, maka ditunjukkanlah oleh orang-orang di situ, nun di hujung ladang sana, ada sebuah rumah yang sederhana besarnya rumah no. 3 sebelah kanan masuk, itulah rumah ketua kami kononya bernama Tok Batin Pancat, orangnya tinggi lampai berambut keriting, maka perantau itu menujulah ke sana, maka di pendekan kisah, Tok Batin pun mempersilakan naik ke Balai, dengan penuh kemesraan, dan bertanya apakah gerangan tujuan tuan-tuan semua datang kemari, maka diterangkanlah oleh ketua kumpulan perantau itu katanya, hendak menumpang berdagang dan kalau boleh, hendak berkampung dalam, bersawah ladang, menyeru untung dirantau orang, mencari sesuap nasi, pagi dan petang oleh sebab begitupandainya, kata si pedagang, mendayu-dayu, merayu untung, maka Tok Batin pancat dengan tidak disedari, air matanyajatu ke lantai, dan terus berkata, wahai saudara sekalian, oleh sebab kami di sini belum begitu ramai, maka sudi pula saudara-saudara datang ke mari, kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkn, silalah buka negeri sawah ladang supaya dapat kita bersama-sama, menyeru untung, ke bukit sama di

daki, ke lurah sama di turuni, ke laut sama di renangi, cicir sama rugi, dapat sama laba. Begitulah kata yang diluahkan, oleh Tok Batin Pancat, setelah dijamu makan minum, dengan sepuas-puasnya, dan berehat, besoknya mulalah si perantau membuat pondok tempat berteduh, maka Tok Batin pula membahagi-bahagikan hutan untuk diteroka.

Di pendekan kisah, sawah ladang telah diteroka, kampung halaman telah terbentang, luak atau Daerah telah di bangun, penghuninya telah bertambah ramai, negeri bertambah maju, maka hiduplah mereka dengan bersefahaman dan aman damai, untuk menjalankan pemerintahan maka tiap-tiap suku pendatang atau satu kumpulan dilantiklah seorang ketua, termasuk juga ketua kaum Asli yang telah sedia ada, menjadikan sepuluh suku yang diberi gelar Dato', apabila telah sepuluh ketua yang sama setaraf, maka berkehendakan pula seorang penghulu bagi mengetuai pemerintahan di Luak tersebut, maka dibuatlah kerapatan sepuluh Dato' tadi bersama Batin, Pawang, Ulama, Bidan, Mudim, untuk mencari seorang penghulu yang berkebolchan mengetuai pemerintahan yang adil, iaitu dari suku kaum Asli Waris di luar, iaitu dari suku Biduanda Pasak, yang sama-sama dipersetujui, apabila dicari luak ini, tidak seorang pun yang berkelayakan, maka diambillah keputusan di dalam kerapatan itu melantik tiga orang Dato' Lembaga, iaitu Dato' Pengeran, To' Maliga, dan To' Payung, di utus mengadap Dato' Undang Johol, berkehendakan seorang putera, berketurunan Biduanda Pasak, untuk di jadikan penghulu, tetapi di Johol juga tidak kedapatan waris laki-laki yang layak. Maka diberilah oleh Undang Johol, seorang waris perempuan, maka baliklah ketiga-tiga Dato' tadi membawa waris perempuan itu ke Jempol, untuk dikerjankan tetapi malang, tidak diterima oleh Dato' Lembaga Sepuluh maka disuruh hantar balik ke Johol, tetapi waris perempuan tadi berasa malu hendak balik ke Johol, mereka lebih suka bermastautin di Jempol, maka dipersetujuilah oleh Dato'-Dato' sekalian dan diberi tanah kampung, sawah ladang, dengan syarat tidak boleh menerima pesaka Penghulu Luak, hingga sekarang waris itu masih ada dan berkembang bertambah ramai. Oleh sebab tersebut di atas, maka ketiga-tiga Dato' tadi, disuruh semula mengadap Undang Johol sekali lagi, berkehendakkan juga seorang putera, oleh sebab tidak boleh didapati di Johol, maka bersabdalah undang Johol supaya pergi ke Pasir Besar sahaja, kerana di sana ramai waris Biduanda Pasak bermastautin, pendek kata pergilah juga ketiga-tiga Dato' tadi ke Pasir Besar, maka dapatlah seorang waris laki-laki tetapi masih kecil, bernama Daim, dan di bawalah ibunya sekali bernama Patam, bapanya bernama Gandom, oleh Daim masih kecil, belum boleh menjalankan pemerintahan, maka dipangku oleh dato' Pengeran, (sekarang digelar Dato' Lela Raja) itulah sebabnya apabila Penghulu Luak meninggal Dato' Lela Rajalah memangkunya sehingga Penghulu Luak diganti semula, di pendekkan kisah Daim pun telah besar akil baligh, maka dikerjkanlah menjadi Penghulu Luak Jempol bergelar Lela Putera Setiawan, untuk mengenang budi ketiga-tiga Dato' tadi, maka penghulu luak yang baharu mengurniakan gelaran Dato' Pengeran bergelar Dato' Maharaja Raja, pemangku, Dato', Malinga bergelar Dato' Sri Amar Menteri, aluan sembah sarampuan Lembaga Sepuluh, dan Dato' Payung bergelar Dato' Maharaja setia, maka berjalanlah hingga

sekarang ini, di dalam adat istiadat, Dato' Lela Raja duduk sebelah kanan Dat' Penghulu Luak, dan Dato' Sri Amar Menteri sebelah kiri.

Maka keturunan Penghulu Luak Jempol, adalah terdiri dari tiga perut, iaitu Perut Mayang, Parut Tarom dan Perut Ngai Uban, tetapi Perut Ngai Uban tidak boleh menerima Pesaka Penghulu Luak kerana telah mendapat keistimewaan, To' Ngai Uban telah berkahwin dengan Yam Tuan Lenggang dalam kurun 18 di Istana Serting Ilir, kesan Istana itu masih ada lagi sekarang, mendengar beritanya istana itu akan di perbaiki dan diubah suai sebagai istana, Tengku Muda Serting, hanya tinggal dua perut sahaja yang boleh menerima Pesaka Penghulu Luak iaitu Perut Mayang dan Perut Tarom.

Apabila Dato' Penghulu Daim telah dikerjankan, beliau pun mulalah menyusun pemerintahan, mengikut garisan atau peraturan adat yang adil, balai beliau dijadikan pusat pemerintahannya, dengan cara bermusyuarah dengan Dato'-Dato' Lembaga, Alim Ulama, Mudim, Pawang serta Bidan, seperti kata adat:

Ibu adat itu muafakat,
Bulat air kerana pemetong,
Bulat kata kerana muafakat,
Pipih boleh dilayangkan,
Bulat boleh digolekkan,
Seia sekata, sehayun selenggang,
Hati gajah sama dilapah
Hati kuman sama di cecah.

Beliau telah memanggil semua ketua-ketua adat, bagi mengatur pemerintahan yang bijaksana lagi adil, mana Dato' Lembaga yang mempunyai ramai anak buah dalam satu suku berlainan perut, seperti suku tiga batu, di tambah lagi ketuanya seperti Tiga Batu Lela Raja, Tiga Batu Maharaja Setia, Tiga Batu Setia Raja, di lain suku dibaharui lantikkannya, dan diberi gelaran, seperti Suku Mungkar, Dato'nya bergelar Dato' Komo, Suku Tanah Datar bergelar Dato' Sri Amar Menteri, yang telah sedia gelarannya, Tiga Nenek bergelar Setia Penghulu, sri Lemak Pahang bergelar Setia Pahlawan, Biduanda Waris bergelar Dato' Umbi atau Dio Maharaja atau Bentara, Suku Sri Melenggang bergelar Dato' Raja Senara atau Jengkaya, Batu Hampar bergelar Dato' Besar, Suku Paya Kumbuh bergelar Dato' Sura, Anak Aceh bergelar Dato' Sri Pahlawan menjadilah 12 suku dan 12 lembaga. Bagi Biduanda Pasak di ketuai sendiri oleh Dato' Penghulu Luak, dibantu oleh seorang kepala waris, bergelar Dato' Paduka Tuan, besarnya pada waris laki-laki dan besar soko waris perempuan, di lantik pula ketua bergelar Dato' Shahbandar, dan seorang buapak bergelar Maharaja Garang, bagi Dato'-Dato' Lembaga yang lain pula diminta melantik beberapa orang pembantu, bergelar buapak-buapak, tua-tua waris, ini bermakna suku di ketuai oleh seorang lembaga, perut pula di ketuai oleh seorang buapak, dan dibantu oleh beberapa tua-tua waris dan besar pesaka maka berjalanlah pemerintahan itu, atau peraturan adat itu hingga kehari ini.

Mengikut teritinya Kawasan Jempol ini mengikut batasan Sungai Muar, sepanjang Sungai Muar, batasan Sungai Jempol sepanjang Sungai Jempol, batasan Sungai Johol sepanjang Sungai Jelai, kawasan ini meliputi Guntur, Tengkek, Tapak, Keru, Jerjak, Sungai Jelutong, Padang Lebar, Terentang, Sri Melenggang, Sungai Talan, Bukit Sempit, Batu Kikir, Kuala Jempol, Bahau, Palong, Serting Ulu, Bayai, Simpang Pertang, Paloh (sekarang Pasoh) Serting Ilir, termasuk juga Juasseh dan lain-lain yang tidak dapat disebutkan di sini.

Dato' Penghulu Luak Jempol, yang bergelar Dato' Lela Putera Setiawan Ketua Pemerintahannya, mempunyai kekuasaan penuh di dalam luaknya, sama ada dari segi politik, mahupun ekonomi, adalah di riwayatkan juga Dato' Lela Raja ditugaskan memungut cukai di sebelah kanan jalan masuk, dan Dato' Amar Menteri di sebelah kiri jalan masuk, pusat pemerintahannya di Penarikan K. Jempol, yang terkenal sekarang Serting Ilir, dan Titian Teras U. Jempol, kerana dewasa itu suku kaum ini ramai duduk di kawasan itu.

Tersebut di dalam sejarah Melayu, tatkala Sultan Melaka kalah di dalam berperangan melawan Portugis, dalam kurun 14, baginda berundur ke Pahang, adalah melalui Sungai Muar, naik lalu ke Penarikan, dan terus lalu ke Pahang, akan titian teras pula, tempat persinggahan Dato' Penghulu Luak Jelebu, berulang alik dari Jelebu ke Johol singgah berhenti meminta air dan nasi di sebuah rumah di tapak (Kampong Bukit) di masa itu, oleh sebab mengenangkan budi tuan rumah itu melayannya begitu baik, maka diberilah gelaran tuan rumah itu Dato' Andatar dari suku Mungkal, tiap-tiap perjalanan ulang alik Dato' Jelebu itu, di rumah itulah beliau berhenti melepaskan penat sehingga sekarang ini masih terdengar lagi orang tua-tua bercerita U. Jempol serambi Jelebu. Maka Dato' Jempol juga berkawan rapat dengan Dato' Johol tempat meminta sebarang nasihat, maka timbullah perkataan beremakan Johol berayahkan Jelebu.

Pada mulanya perlantikan Penghulu Luak Jempol ini, disebarkan ke Undang Luak Johol, kerana mengenangkan jasa Undang Johol mengadakan mata beneh, Penghulu Luak Jempol, sebagaimana yang tersebut di atas, sebelumnya kedatangan Yam Tuan ke Sri Menanti pun perhubungan dengan Johol dan Jelebu pun adalah sangat rapat, orang-orang Jempol mencari keperluan rempah garam dan lain-lain ke Jelebu, melalui Tengkek, Guntur berjalan kaki terus Ulu Jelebu, singgah sembahyang, serta berhenti penat di Masjid Kuala Dulang, Masjid Kuala Dulang bertali ke Masjid Majau, adalah beratapkan Ijok dianggap keramat, ramai orang di masa itu membayar nazar dan memohon apa-apa pertolongan ke dua-dua masjid ini, bahkan kalau kenduri kendara pun, boleh meminjam pinggan mangkuk di masjid tersebut, kata orang tua-tua, pinggan mangkuk itu tiada siapa yang menyediakan, atau membekalkan, dipercayai dibekalkan oleh keramat kedua-dua masjid tersebut, kata orang tua-tua lagi, pinggan mangkuk ini boleh dipinjam lagi sehingga tahun 1925, selepas itu oleh sebab banyak peminjam-peminjam tidak memulangkan, kerana takut pecah atau hilang, maka pinggan mangkuk itu hilang lesap, tidak tahu kemana perginya.

daripadanya telah berjaya memikat hati Jampu. Akibatnya pemuda-pemuda lain merasa iri hati dan menaruh dendam. Salah seorang daripada pemuda tersebut menyebarkan fitnah kononnya Jampu melakukan perbuatan sumbang.

Sebagai ketua To' Batin Pileh terpaksa menjatuhkan hukuman kepada Jampu dengan tidak usul periksa. Jampu dijatuhkan hukuman dengan terjun ke dalam sungai yang disediakan ranjau buluh runcing mengikut peraturan To' Batin Pileh ketika itu. Bagi membuktikan dirinya tidak bersalah Jampu terjun ke dalam sungai yang telah dicancangkan ranjau buluh runcing di situ.

Sebaik sahaja tubuhnya jatuh ke atas ranjau yang disediakan, darahnya memercik hingga ketebing sungai. Di tempat darahnya memercik itu hingga sekarang tidak ditumbuhi rumput atau pokok-pokok. Sementara darah di tubuhnya pula mengalir di sepanjang sungai hingga sampai ke kuala dan masuk ke Sungai Muar.

Beberapa lama kemudian barulah To' Pileh menyedari anaknya Jampu tidak bersalah. Gadis itu hanya dianiaya oleh pemuda-pemuda yang iri hati didebabkan harapan mereka ditolak. Bagi mengingati kejujuran anak gadis yang tidak bersalah itulah To' Pileh menamakan sungai berkenaan dengan Sungai Jampu. Lagipun di sungai yang darahnya mengalir dari hulu hingga ke kuala itu ialah tempat Jampu mandi manda bersama kawan-kawannya iaitu di Leban Condong.

Semenjak itulah pula nama Luak berkenaan dikenali sebagai Jampu, dan lama kelamaan disebut orang 'Jempol'. Sumber cerita lisan orang tua-tua ini hampir menyerupai lagenda Mahsuri di Pulau Langkawi. Di Kuala Sungai Jempol inilah pula terletak Penarikan iaitu jalan lalu-lalang perdagangan terpenting di antara Melaka dan Pahang sewaktu zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka kurun ke 15 dahulu.

Penghulu Luak Jempol sebagi salah seorang Penghulu Luak Tanah Mengandung adalah ditugaskan, mendirikan adatistiadat di istana Besar Sri Menanti. Sebagai yang diterangkan di atas tadi, waris yang berhak menerima Pesaka Penghulu Luak Jempol ialah dari keturunan To' Mayam dan To' Tarom anak kepada PATAM dan GANDOM. Tok Ngai Uban telah mendapat keistimewaan berkahwin dengan Tenku Lenggang.

Yang Telah Menerima Pesaka Penghulu Luak Jempol Dato' Lela Putra Sitiawam.

1. Diam
2. Chap
3. Malek
4. Rial
5. Hasan

6. Johan
7. Shukor
8. A. Wahab
9. H. Sulaiman bin Abdullah
10. Dato' Hj. Mohd. Hashim bin Abdullah JP, PJK 31.1.1984

Penyusunan pemerintahan secara bersistem ini adalah di anggarkan awal kurun kedelapan belas kerana mengambil kira Yam Tuan Lenggang memerintah dari tahun 1808 hingga 1824 dalam masa itu juga Yam Tuan Lenggang berkahwin dengan To' Ngai Uban, mengikut susunan pemerintahanitu telah melantik dua orang yang bertaraf Dato' Lembaga Kepala Waris menyusun dan mentadbir puak waris (laki-laki) bergelar Dato' Paduka Tuan, dan Dato' Shahbandar bagi mentadbir bagi kaum Ibu (Soko) dan seorang buapak bergelar Dato' Panglima Garang, oleh sebab dato' Shahbandar ini adalah khas memimpin soko (perempuan) maka dato' ini pula adalah dilantik dari soko juga, iaitu Dato' Shahbandar yang pertama hingga yang ketujuh adalah terdiri dari kaum ibu, dalam awal kurun yang 19 yang tidak dapat di ketahui puncanya Dato' Shahbandar yang kelapan hingga kesebelas iaitu di masa ini Dato' shahbandar di sandang oleh kaum laki-laki, seperti mana di bawah:

Dato' Shahbandar

(perempuan)

1. Tiamas
2. Sarah
3. Reno
4. Lambu
5. Yuyi
6. Limah
7. Riba

(lelaki)

8. Hj. Md. Noh
9. Hj. Omar
10. Hj. Hashim bin Abdullah (meletak pesaka)
11. Ali bin Naam

Dato' Paduka Tuan, dua orang keturunan Tarom empat keturunan Mayang

1. Johar
2. Jalal
3. Sail
4. Nordin
5. Ismail bin A. Rahman

6. HJ. Md. Noh bin Mohd

Dan dilantik juga seorang buapak yang bergelar Dato' Mahara Garang mengawasi atau merangkumi kedua-dua Dato' atau waris tersebut.

Selain itu terdapat juga nama dan gelaran orang besar di dalam, kertas terombo orang tua-tua zaman dahulu, seperti Dato' Palong Bidin Dato' Mangku Salang, Dato' Palong Badol Jah Dato' Muda Serling, tetapi sekarang kerana hilangnya gelaran orang besar itu mungkin jadi tiada siapa pengganti penyandang Pesaka tersebut.